

Qalam

Majalah bulanan Melayu terbit tiap-tiap awal bulan Masihi.

Bilangan 18 – Januari 1952 – senaskah 60 sen.

MUHAMMAD SALALLAH ALAIHI WA SALAM

Allahuma Salli Wassalam waabaarik alaih bagi kali yang kedua kita menulis rencana berkenaan Maulud Nabawi Syarif yang berbahagia ini di dalam mana umat Muslimin bersama-sama merayakannya dengan suatu tujuan iaitu mengenang jasa dan perkhidmatan Rasul yang mulia membentuk umat dengan jalan yang diberkati dan akhlak yang baik yang tidak ada tolok bandingnya pengajaran-pengajarannya itu.

Hampir-hampir berkurun-kurun lamanya dari semasa ke semasa umat Islam menyambut hari yang berbahagia ini dengan memperingatinya dan memberi pengorbanan kerana bersuka-suka pada hari itu bagi menunjukkan pada mata dunia bahawasanya mereka itu ialah memperingati kemuliaan junjungannya Muhammad (SAW) pembawa rahmat kepada sekalian alam. Sambutan yang diadakan dari semasa ke semasa itu berjalan dengan luasnya dengan berbagai-bagai cara dan gayanya tetapi faedah atau kesudahannya kita tidak menampak. Beberapa tempat di dalam Semenanjung Tanah Melayu ini beribu-ribu wang dikeluarkan, di kampung-kampung berekor-ekor lembu dan kerbau yang tumbang untuk mengadakan jamuan kerana perayaan hari yang berbahagia ini. Begitulah zahir kepada mata dunia kasih mereka itu kepada junjungan Muhammad (SAW), kasih yang tidak berbelah bagi dengan terbukti apabila ada orang yang berani mencabar kebersihan junjungan kita Muhammad (SAW) maka berduyun-duyun mereka ke tengah menunjukkan perasaan hatinya membela walau dengan nyawanya mereka sekalipun.

Demikian itulah kasih sayang mereka kepada pembawa

rahmat sekalian alam XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

itu hanya tentang kasih sayang mereka XXXXXXXXXXXXXXX

yang sebenar kepada cita-cita yang satu XXXXXXXXXXXXXXXXXXX

junjungan kita Muhammad (SAW) bagi XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

dan perhatian kepada umat yang lain daripada umat XXXXXXXXX

diendah dan tidak diperhatikan bahkan keadaan XXXXXXXXX

kita sesama kita sendiri tinggal pada kulitnya XXXXXX

sedang di dalamnya hancur sama sekali.

Dengan adanya perkara-perkara yang tersebut maka moleklah di sini kita membawa perhatian yang utama tentang apa yang patut kita buat untuk memperingati hari yang berbahagia itu. Kita mengetahui bahawa junjungan kita yang mulia yang cukup segala sifat keadaannya yang patut diteladani bagi panduan hidup pengikut-pengikutnya tidaklah ada sesuatu kehendak baginya mendapat kemuliaan. Di dalam masa hayatnya telah ditunjukkan pengorbanan-pengorbanan yang dikehendaki untuk membentuk supaya masyarakat Islam itu berkeadaan sebegitu baik bertolong-tolongan di antara satu sama lain. Keyakinan yang dijalankan oleh junjungan kita supaya tercipta segala cita-cita yang baik itu tidak dikehendaki olehnya. Keutamaan, sehingga di dalam permulaan menjalankan tujuan-tujuan yang baik itu telah ditawarkan kepadanya, menerusi ayah saudaranya supaya ia memberhentikan segala langkahnya itu dengan berjanji akan diberi apa jua dimintanya. Tawaran yang sedemikian sekiranya diberi matahari ke sebelah kanannya, dan bulan di sebelah kirinya dan walaupun apa yang dihadapinya namun ia tidak akan berganjak daripada menunaikan kewajipan dan tanggungannya mengembangkan agama yang diredhai Allah itu.

Begitulah dengan cita-cita yang tepat dan tidak berganjak itu dalam masa 25 tahun sahaja seluruh negara Arab ramai telah memeluk agama Islam dan junjungan kita yang mulia di dalam menjalankan itu tidak berhajat kepada kemegahan dan kemewahan yang terbukti apkala ia wafat tidak ada meninggalkan harta pusaka, tidak ada meninggalkan kebendaan yang diwarisi selain daripada dua benda yang sangat mustahak iaitu Al-Quran dan Al-Hadis yang dijadikan peta panduan

XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX untuk mendapat
XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX hingga akhir zaman nanti.
Maka pusaka inilah peninggalan atau amanah junjungan
kita XXXXXXXX yang oleh tiap-tiap seorang mesti mengikutinya
jika sebesar-besarnya merka kasih kepada junjungan kita
yang mulia itu. Peninggalan itu ialah benda yang tertulis
atau tulisan yang tidak bernyawa. Perkataan-perkataan yang di dalamnya
kalau tidak digunakan maka peninggalan itu satu pun
tidak ada harganya. Tidak berguna kita mengadakan
sambutan sebegitu besar dan ria sekiranya kita
tidak mengikut segala ajaran yang telah dibentuknya yang telah
dibentangkannya di dalam dua peninggalan yang diserahkan untuk kita
menjalankannya. Perbuatan kita yang beraya sedemikian
itu akan menjadi membazir dan tidak bermanfaat
sekiranya tidak mengindahkan apa yang dimanahkan olehnya.

Muhammad telah mulia, kemuliaannya diakui oleh lawan
dan kawan. Di dalam kehidupannya telah dicontohkan olehnya
mencukupi segala sendi hidup di dalam dunia ini. Di dalam
rumah tangga ia sebagai seorang bapa yang baik, di dalam
beribadat ia sebagai seorang imam, di dalam medan perang
ia sebagai seorang pahlawan, di dalam medan hukuman
ia sebagai seorang hakim yang adil dan di dalam medan
siasah ia adalah sebagai seorang ahli siasah yang terkemuka.
Di dalam kehidupan yang demikian ini adalah menunjukkan bahawa
keadaannya bukannya habis hanya memegang tasbih sahaja tetapi
gerak gerinya meliputi kehendak menuntut kebahagiaan dunia
dan kebahagiaan akhirat. Di dalam cara-cara kehidupannya
dibentuk dengan berperaturan, cara berkerjasama meninggikan
iktisad dan kedudukan persaudaraan Islam.

Kedatangan kaum Muhajirin kepada Ansar menjadi
contoh yang sebegitu tinggi bagi membentuk iktisad bersama
dan ditunjukkan persaudaraan yang tidak ada tolok
bandingnya. Tetapi kalau kita perhati segala-galanya itu
tidak ada kepada kita, segala-galanya itu telah luntur
oleh sebab keyakinan dan kepercayaan kita kepada pengajaran-pengajarannya
kalau tidak dikenakan telah membelakang bolehlah
dikatakan meninggalkan sama sekali.

Kita sayang kepadanya tetapi kesayangan kita itu
hanya pada zahirnya sahaja. Kita tidak mengikut pengajarannya
dan petunjuknya. Perayaan kita tinggal perayaan sedang
bentuk masyarakat kita kucar kacir. Orang-orang miskin
kita bertempiran di tepi jalan, alim ulama kita
kalau datang melawat sesebuah negeri seumpamanya Singapura
terpaksa tinggal di dalam hotel yang keadaannya sudah tentu
menyakitkan mata dan pandangan. Hendak pergi berubat
ke rumah sakit orang lain, anak yatim kita diserahkan
ke tangan orang lain, janda-janda kita terpaksa menjual
maruah mencari nafkah – seterusnya kepada pelajaran
di madrasah-madrasah kita tidak teratur dengan berperaturan
bahkan ada tempat tinggal bagi penuntut-penuntut yang menuntut
di madrasah-madrasah itu tidak lebih daripada “sangkar tikus”
– beginilah muram dan dukacitanya kita pada hal semuanya
ini dipertahankan dan dikawal dengan tinggi oleh
junjungan kita Muhammad (SAW).

Dengan ini di dalam tahun ini mudah-mudahan berputik
suatu contoh yang baik yang patut diberi pengorbanan dan
diberi kerjasama yang rapat oleh tiap-tiap seorang kita
bagi menyampaikan tujuan-tujuannya yang mulia itu langkah
Jabatan Agama Johor yang pada tahun ini mengadakan suatu
“Derma Kenang-kenangan Maulid Nabawi” untuk membina bagi kali
yang pertamanya sebuah bangunan yang berfaedah untuk kita orang-orang
Islam. Kita berharap langkah ini akan ditauladani
di lain-lain tempat. Langkah ini lebih utama daripada berbuat-buat
membuat masjid kerana membetulkan sendi masyarakat itu
lebih utama daripada lainnya. Membetulkan bakal-bakal pengisi
masjid itu, mengadakan keinsafan kepada orang-orang yang telah
tercebur adalah menghendaki pengorbanan-pengorbanan yang nyata dan
utama. Banyak perkara lagi yang mesti dibuat atas
tujuan-tujuan ini. Kebersihan hari dan ketulusan
orang-orang kita kepada agamanya berkehendak lagi kepada
panduan-panduan. Yang demikian ini bukannya sahaja di atas orang-orang
awam tetapi juga ke atas orang-orang kita yang berlilit
panjang serbannya dan telah dikemukakan tetapi redha


(sambungan pada muka 39)

nasib yang ditanggung oleh ayahnya menjadi drebar atau peon sahaja? Mereka harus menyangka bahawa jika mereka daripada mata-mata, anak mereka akan menjadi mata-mata atau menjadi askar biasa sahaja kerana tiada kelayakan untuk mencari sara hidup yang lain? Mereka harus menyangka bahawa adakah yang demikian ini suatu perkara yang sengaja dirancang atas tujuan-tujuan yang tersebut? Semuanya ini adalah pertanyaan dan syak wasangka kepada ibu-ibu bapa kanak-kanak itu dengan sebab ketiadaan puas hati dengan dasar-dasar menyekat umur pada hal yang demikian itu terjadi adalah dengan sebab yang tidak dapat dielakkan iaitu terbit daripada kancang peperangan dunia yang kedua.

Kita yakin bahawa pihak kerajaan dari semasa ke semasa berikhtiar supaya penduduk negeri ini menjadi penduduk yang baik dan berkelakuan baik. Kerajaan telah mengeluarkan banyak wang kerana mencari jalan untuk menghapuskan penjahat-penjahat atau orang-orang jahat di dalam negeri ini. Dengan sebab-sebab yang tersebut maka apabila terjadi langkah-langkah yang sedemikian ini sudah tentu ia dengan sendirinya

membuka peluang meluaskan mereka, yang tidak cukup berpengetahuan itu akan terikut-ikut dengan pekerjaan-pekerjaan yang jahat yang tidak diingati oleh kerajaan dan juga tidak digemari oleh orang ramai. Dengan sebab itu sekiranya pun ketetapan itu tidak boleh diubah maka sebelum meluaskan ketetapan itu sepatutnya pihak jabatan pelajaran hendaklah lebih dahulu merancang suatu peta yang boleh menyelamatkan mereka yang akan menjadi korban itu sama ada lelaki atau perempuan. Tempat-tempat pelajaran yang membolehkan mereka mencari sara hidup yang berpatutan, yang boleh bersaing atau sekurang-kurangnya tidaklah sentiasa mereka itu terletak di bawah sahaja yakni hanya terletak di bawah telunjuk orang sedang mencukupkan sesuap pagi dan petang hampir-hampir tak dapat.

Sebenarnya nasib anak-anak Melayu itu tidak ubahnya seperti kata pepatah “Sudah jatuh ditimpa tangga” – cita-cita hendak hidup berbahagia ada tetapi jalan untuk meluaskannya sentiasa terhalang dan tersekat. Mudah-mudahan perkara yang demikian ini akan mendapat perhatian yang saksama untuk keselamatan orang-orang kita Melayu adanya.



Mudir dan murid-murid yang tertua Madrasah al-Idris Kuala Kangsar bersama-sama dengan sahib al-Fadilah Mufti Perak (di tengah). Daripada belia-belia inilah diharap nanti akan maju ke tengah membawa ubat bagi masa yang akan datang ke dalam kebahagiaan dan ketinggian yang sebenar. Belia-belia ini patut sangat menatap makalah yang ditulis oleh pendeta bahasa Melayu. A. Za'ba di bawah tajuk “Mencapai Ketinggian Dunia dan Akhirat” yang kita siarkan pada muka 3

majalah ini – gambar Qalam.